

0925

R B389 AAB  
MAHATHIR - MANDELA (ULANGAN - MENGGANTIKAN BERITA TERDAHULU)

KUALA LUMPUR, 2 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN BARISAN NASIONAL TIDAK PERNAH MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA LAWATAN PEMIMPIN KULIT HITAM AFRIKA SELATAN NELSON MANDELA UNTUK KEPENTINGANNYA SEMASA PILIHAN RAYA UMUM YANG LEPAS.

PERDANA MENTERI BERKATA KERANA ITULAH, KERAJAAN MEMINTA ENCIK MANDELA MENANGGUHKAN LAWATANNYA SEHINGGA SELESAI PILIHAN RAYA UMUM PADA 21 OKT.

KATANYA WALAUPUN TANPA KEHADIRAN ENCIK MANDELA SEBELUM PILIHAN RAYA, BN MASIH MAMPU MENANG.

+SEPERTI MANA KITA TAHU... INI POLITIK DALAM NEGERI SIKIT... KAMI TIDAK CUBA UNTUK MENGGUNAKAN TETAMU KAMI UNTUK KEPENTINGAN DIRI KAMI,+ KATANYA SEMASA BERUCAP PADA PERHIMPUNAN DI STADIUM NEGARA BAGI MERAIKAN ENCIK MANDELA YANG SEDANG MENGADAKAN LAWATAN EMPAT HARI DI SINI.

+TAK ADA BANTUAN PUN BOLEH MENANG JUGA,+ KATANYA DISAMBUT OLEH TEPUKAN GEMURUH PARA HADIRIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERASA AMAT BANGGA KERANA MALAYSIA MENJADI TUAN RUMAH KEPADA PERJUMPAAN YANG DIHADIRI OLEH SEORANG +GERGASI DALAM PERJUANGAN KEMERDEKAAN+.

SEBELUM PILIHAN RAYA LEPAS, KETUA PEMBANGKANG ENCIK LIM KIT SIANG MENDAKWA BN AKAN MENGGUNAKAN LAWATAN ENCIK MANDELA UNTUK KEPENTINGANNYA BAGI MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM.

ENCIK MANDELA PADA MULANYA DIJADUALKAN MELAWAT MALAYSIA PADA 19 OKT LEPAS TETAPI DITANGGUHKAN SEHINGGA SEMALAM -- BERNAMA